



PROSEDUR OPERASI STANDARD ADUAN TERHADAP AHLI GEOLOGI BERDAFTAR LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA

SOP 06

VERSI 1-2018



Lembaga Ahli Geologi Malaysia

PROSEDUR OPERASI STANDARD ADUAN TERHADAP AHLI GEOLOGI BERDAFTAR LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA

No. Rujukan	SOP 06
Tarikh Kuatkuasa	
Bil. Versi	VERSI 1-2018
Disediakan Oleh	JAWATANKUASA PERUNDANGAN, ETIKA & DISPLIN
Diluluskan Oleh	LEMBAGA DALAM MESYUARAT BIL:

Nota: SOP ini disediakan dalam versi bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Jika ada seberang kekeliruan, versi bahasa Inggeris akan diguna pakai.

PROSEDUR OPERASI STANDARD ADUAN TERHADAP AHLI GEOLOGI BERDAFTAR LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA

1. PENGENALAN

- 1.1 Ahli geologi, dengan merujuk kepada Tatakelakuan Profesional untuk Ahli Geologi (Kod) sepatutnya menunjukkan tahap integriti, kesopanan, tanggungjawab moral, dan tahap profesional yang tinggi, sesuai dengan harapan yang besar terhadap para ahli geologi kelakuan profesional mereka dan tahap akauntabiliti dalam penyediaan perkhidmatan geologi.
- 1.2 Kod boleh dimuat turun dari laman web Lembaga Ahli Geologi Malaysia di: <http://www.bog.gov.my/about-us/code-of-professional-conduct/code-of-professional-conduct-for-geologists.html>

2. ASAS UNTUK ADUAN

- 2.1 Di bawah peruntukan Seksyen 4 dan 33 Akta Ahli Geologi 2008, Lembaga Geologi Malaysia (Lembaga) bertanggungjawab untuk menyiasat aduan terhadap kelakuan ahli Geologi. Walau bagaimanapun, jika perkhidmatan yang diberikan oleh seorang Ahli Geologi merupakan satu pertikaian undang-undang, Lembaga mungkin tidak mempunyai bidang kuasa terhadap perkara tersebut.

3. TATACARA MEMBUAT ADUAN

- 3.1 Mana-mana orang, termasuk Lembaga, boleh membuat aduan terhadap seorang ahli geologi berkaitan dengan kelakuan profesional mereka sebagai seorang ahli geologi. Kakitangan pentadbiran Lembaga akan melaksanakan pengurusan aduan mengikut langkah-langkah yang ditetapkan selepas ini. Aduan boleh ditarik balik pada bila-bila masa sepanjang proses berjalan.
- 3.2 Orang yang membuat aduan harus terlebih dahulu membuat aduan secara bertulis, menyatakan aduan, alasan aduan dan butir-butir keadaan yang menyebabkan aduan dibuat. Aduan hendaklah dikemukakan dalam susunan kronologi, dan pengadu boleh diminta memberikan butiran lanjut.
- 3.3 Setelah aduan dibuat, Lembaga akan menjalankan penyiasatan terhadap aduan tersebut. Jawatankuasa siasatan akan dibentuk, untuk mengkaji aduan dan membuat perakuan kepada Lembaga untuk membuat keputusan.

- 3.4 Sekiranya aduan didapati mempunyai merit, Lembaga akan menulis kepada Ahli Geologi yang terhadapnya aduan dibuat bagi memberi notis tentang jenis aduan tersebut, secepat mungkin selepas aduan dibuat. Ahli Geologi berkenaan akan diminta mengemukakan maklumbalas bertulis bagi aduan tersebut. Kedua-dua pihak boleh diminta memberi maklumat lain yang dianggap oleh Lembaga berkaitan dengan tuduhan yang dibuat.

4. MENOLAK ADUAN TANPA PENYIASATAN

- 4.1 Lembaga berhak untuk menolak aduan jika Lembaga berpuas hati bahawa aduan itu remeh atau sambrono atau kurang memuaskan atau kurang merit atau aduan yang telah diuruskan sebelumnya oleh Lembaga.
- 4.2 Lembaga boleh menolak aduan jika pengadu tidak mengemukakan butir-butir seperti yang diminta oleh Lembaga atau tidak dapat mengesahkan apa-apa butir yang berkaitan dengan aduan atau bersifat remeh.
- 4.3 Lembaga tidak terikat untuk mendengar apa-apa tuduhan kelakuan profesional yang tidak memuaskan dan mungkin juga menolak untuk menangani aduan jika butir-butir lanjut mengenai aduan itu tidak diberikan, atau tidak disahkan, sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga.
- 4.4 Apabila Lembaga menolak sesuatu aduan, Lembaga juga boleh mengeluarkan notis kepada ahli geologi yang dibuat aduan terhadapnya, dengan memberi peringatan kepada Ahli Geologi berkenaan tentang perkara yang diadukan. Kedua-dua pengadu dan ahli geologi yang berkenaan akan dimaklumkan mengenai alasan untuk menolak aduan tersebut.

5. MENYIASAT ADUAN

- 5.1 Lembaga akan menjalankan sebarang penyiasatan mengikut prinsip tatacara keadilan. Satu jawatankuasa akan diadakan untuk menyiasat apa-apa aduan yang dibuat terhadap seorang Ahli Geologi.
- 5.2 Bergantung kepada jenis aduan tersebut, Lembaga berhak untuk tidak memaklumkan Ahli Geologi berkenaan dengan segera selepas menerima aduan, dan boleh meneruskan penyiasatan awal dengan melantik Jawatankuasa awal, jika notis aduan itu berkemungkinan akan atau akan prejudis siasatan atau meletakkan kesihatan atau keselamatan seseorang dengan risiko atau boleh meletakkan pengadu atau orang lain berisiko untuk menakut-nakuti atau mengganggu.

- 5.3 Lembaga akan melantik Jawatankuasa Penyiasatan dan berhak melantik seseorang yang dianggap memiliki kepakaran yang relevan dalam menjadi perantara atau penyelsaian alternatif pertikaian untuk membantu Jawatankuasa.
- 5.4 Jawatankuasa Penyiasatan boleh memilih untuk bertemu pengadu dan Ahli Geologi secara berasingan atau bersama untuk menyelesaikan sebarang masalah yang dibangkitkan oleh pengadu jika difikirkan aduan itu boleh diselesaikan dengan cepat dengan berbuat demikian.
- 5.5 Ahli Geologi, yang terhadapnya suatu aduan telah diserahkan, mungkin dikehendaki memberikan maklumat atau mengemukakan suatu dokumen atau keterangan dengan suatu tarikh yang dinyatakan dalam notis dan mengesahkan maklumat dengan cara yang akan ditetapkan dalam notis itu. Ahli Geologi akan diminta untuk membantu dan bekerjasama dengan penyiasatan mengikut cara yang ditetapkan dalam notis itu.
- 5.6 Lembaga boleh memberi kuasa kepada Jawatankuasa Penyiasatan untuk memanggil mana-mana saksi untuk menghadiri mesyuarat jawatankuasa untuk membantu dalam siasatan atau mengemukakan maklumat atau dokumen atau bukti yang berkaitan. Jawatankuasa Siasatan akan membuat cadangan kepada Lembaga untuk keputusan selepas siasatan selesai.
- 5.7 Lembaga boleh, menurut Seksyen 33 (4) Akta Geologi 2008, menggantung pendaftaran mana-mana ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar untuk tempoh tidak melebihi enam bulan sementara menunggu penyiasatan oleh Lembaga di bawah Akta ini.

6. PENDENGARAN

- 6.1 Bergantung pada jenis aduan itu, Lembaga boleh mengadakan perbicaraan.
- 6.2 Jawatankuasa Pendengaran untuk mendengar perkara itu akan dibentuk.
- 6.3 Kedua-dua pihak dijangka hadir pada pendengaran tersebut, dan boleh diarahkan untuk memberikan dokumen kepada Lembaga.
- 6.4 Lembaga membuat keputusan berdasarkan cadangan Jawatankuasa Pendengaran yang telah bersidang bagi mempertimbangkan aduan selepas ia meneliti semua bukti yang dibentangkan.

7. KEPUTUSAN LEMBAGA SETELAH PENYIASATAN

- 7.1 Pengadu dan Ahli Geologi akan menerima keputusan secara bertulis daripada Lembaga Pengarah.
- 7.2 Lembaga akan menolak aduan terhadap Ahli Geologi jika berpuas hati bahawa Ahli Geologi tidak bersalah sama ada dari segi kelakuan profesional yang tidak memuaskan atau salah laku profesional. Lembaga akan mengemukakan satu kenyataan yang menerangkan sebab-sebab keputusan Lembaga.
- 7.3 Jika Lembaga berpuas hati bahawa Ahli Geologi bersalah atas kelakuan profesional yang tidak memuaskan, Lembaga boleh melaksanakan apa-apa peruntukan menurut Seksyen 33 Akta Geologi 2008.


8. SEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN

- 8.1 Seorang pengadu atau ahli geologi yang berkenaan boleh memohon semakan semula mengenai keputusan yang dibuat sama ada untuk pembatalan aduan atau keputusan yang diambil selepas pendengaran aduan.
- 8.2 Lembaga Pengarah akan mengadakan Jawatankuasa Semakan untuk menangani perkara tersebut, dan prosedur yang mengawal semakan semula akan ditentukan oleh Lembaga.

9. HASIL TINDAKAN DISIPLIN DIWAR-WARKAN

- (a) Menurut Seksyen 33, keputusan untuk menggantung atau membatalkan pendaftaran Ahli Geologi hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, diterbitkan dalam sekurang-kurangnya satu akhbar harian bahasa kebangsaan dan satu akhbar harian bahasa Inggeris yang mempunyai peredaran di seluruh negara, tertakluk kepada peruntukan Seksyen 48 Akta Geologi 2008

CARTA ALIR PENGURUSAN ADUAAN TERHADAP AHLI



BOARD OF GEOLOGIST

STANDARD OPERATING PROCEDURE FOR COMPLAINT AGAINST A GEOLOGIST

1.0 INTRODUCTION

- 1.1 Geologists, with reference to the Code of Professional Conduct for Geologists (Code) are expected to act with the highest standards of integrity, courtesy, morality, professional conscience and moral responsibility, in accordance to the broad terms of what is expected of geologists in their professional conduct and the level of accountability in the provision of geological services.
- 1.2 The Code may be downloaded from the Board of Geologists Malaysia's website at: <http://www.bog.gov.my/about-us/code-of-professional-conduct/code-of-professional-conduct-for-geologists.html>

2.0 BASIS FOR COMPLAINT

- 2.1 Under the provisions of Sections 4 and 33 of the Geologists Act 2008, the Board of Geologists Malaysia ("Board") is obliged to investigate complaints against the professional conduct of a Geologist. However if the service rendered by a Geologist is one of a legal dispute, the Board may not have purview over the matter.

3.0 LODGING OF COMPLAINT

- 3.1 Any person, including the Board, may make a complaint against a Geologist in respect of their professional conduct as a Geologist. The administration staff of the Board will facilitate the lodging of a complaint in accordance to the steps laid out hereafter. A complaint may be withdrawn at any time in the process.
- 3.2 A person lodging a complaint must first lodge a complaint in writing, setting out the complaint, the reason for the complaint and the details of the circumstances leading to the complaint. The complaint should be laid out in chronological order, and a complainant may be asked to provide further particulars.
- 3.3 Once a complaint has been lodged, the Board will conduct an investigation on the complaint. An investigation committee will be convened, to review the complaint and make recommendations to the Board for a decision to be made.
- 3.4 If the complaint is found to be of merit, the Board will write to the Geologist against whom the complaint is made giving notice of the nature of the complaint as soon as practicable after the complaint is made. The Geologist will be requested to make a written response to the complaint. Both parties may be requested to provide other information the Board deems relevant to the allegation.

4.0 DISMISSAL OF COMPLAINT WITHOUT INVESTIGATION

- 4.1 The Board reserves the right to dismiss a complaint if the Board is satisfied that the complaint is trivial or frivolous or vexatious or lacks merit or is a complaint previously dealt with by the Board.
- 4.2 The Board may dismiss a complaint if the complainant does not forward particulars as requested by the Board or is unable to verify any particulars related to the complaint or is trivial in nature.

- 4.3 The Board is not bound to hear any allegation of unsatisfactory professional conduct and may also decline to deal with a complaint if further particulars of the complaint are not given, or not verified, as required by the Board.
- 4.4 Once the Board dismisses a complaint, the Board may also issue a notice to the Geologist concerned, cautioning the Geologist against whom the complaint was made in respect of the matter complained of. Both the complainant and Geologist concerned will be notified as to the reasons for dismissing the complaint.

5.0 INVESTIGATING COMPLAINT

- 5.1 The Board will conduct any investigation in accordance with the principles of procedural fairness. A committee will be convened to investigate any complaint lodged against a Geologist.
- 5.2 Depending on the nature of the complaint, the Board reserves the right not to inform the Geologist concerned immediately upon receipt of a complaint, and may proceed with preliminary investigation by appointing a preliminary Committee, if the notice of the complaint is likely to or will prejudice the investigation or place any person's health or safety at risk or may place the complainant or other person at risk of intimidation or harassment.
- 5.3 The Board will appoint an Investigative Committee and reserves the right to appoint a person who is considered to have relevant expertise in mediation or alternative dispute resolution to assist the Committee.
- 5.4 The Investigative Committee may choose to meet the complainant and the Geologist separately or jointly to resolve any issue raised by the complainant if it considers the complaint may be resolved expeditiously by doing so.
- 5.5 The Geologist, against whom a complaint has been lodged, may be required to provide information or produce a document or evidence by a date specified in a notice and verify the information in a manner that will be prescribed in the notice. The Geologist will be required to assist and cooperate with the investigation in the manner prescribed in the notice.
- 5.6 The Board may empower the Investigative Committee to call any witness to attend a committee meeting to assist in the investigation or to produce information or related documents or evidence. The Investigative Committee will make the recommendations to the Board for decision after investigation is completed.
- 5.7 The Board may, pursuant to Section 33(4) of the Geologists Act 2008, suspend the registration of any registered geologist or registered practitioner for a period not exceeding six months pending any investigation by the Board under this Act.

6.0 HEARING

- 6.1 Depending on the nature of the complaint, the Board may convene a hearing.
- 6.2 A Hearing Committee to hear the matter will be convened.
- 6.3 Both parties are expected to appear at such a hearing, and may be directed to provide documents to the Board.

- 6.4 The Board makes a decision based upon the recommendation of the Hearing Committee convened to consider the complaint after it has considered all of the evidence presented.

7.0 DECISION OF BOARD AFTER INVESTIGATION

- 7.1 The complainant and the Geologist will receive a decision in writing from the Board.
- 7.2 The Board will dismiss a complaint against the Geologist if it is satisfied that the Geologist is not guilty of either unsatisfactory professional conduct or professional misconduct. The Board will produce a statement outlining the reasons for the Board's decision.
- 7.3 If the Board is satisfied that the Geologist is guilty of unsatisfactory professional conduct, the Board may apply any provision pursuant to Section 33 of the Geologists Act 2008.

8.0 REVIEW OF DECISION

- 8.1 A complainant or the Geologist concerned may request for a review of a decision made either for dismissal of complaint or decisions taken after hearing a complain.
- 8.2 The Board will convene a Review Committee to address such matters, and the procedures governing the review will be determined by the Board.

9.0 OUTCOME OF DISCIPLINARY ACTIONS MADE PUBLIC

- 9.1 Pursuant to Section 33, a decision to suspend or revoke the registration of Geologist shall, as soon as may be practicable, be published in at least one national language and one English language daily newspaper having nationwide circulation, subject to provisions in Section 48 of the Geologists Act 2008.

FLOW CHART FOR COMPLAINT AGAINST A GEOLOGIST

